

# Transformasi perundangan perlu ikut proses demokrasi - TPM

**SEREMBAN 27 Okt.** - Sebarang transformasi dalam sistem perundangan sedia ada perlu mengikuti proses demokrasi secara aman dan harmoni.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, apa yang lebih penting perkara itu perlu menepati dan selaras dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara.

“Saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia sebenarnya telah memulakan inisiatif untuk mengharmonikan Syariah dan Common Law sejak sekian lama,” kata beliau dalam ucapan pada majlis perasmian Seminar Antarabangsa Syariah dan Common Law 2015 Kali Ke-3 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (ISCOL 2015) di Nilai dekat sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Yang turut hadir Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria; Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Penerbitan Institut Wasatiyyah, Dr. Mushaddad Hasbullah; Naib Canselor USIM, Prof. Dr. Musa Ahmad dan Pengarah ISCOL, Dr. Syahirah Abdul Shukor.

Jelas Ahmad Zahid, sejarah perkembangan sistem perundangan negara telah membuktikan proses harmonisasi telah dilaksanakan secara berterusan lebih dua dekad lalu.

“Ini merupakan inisiatif dan usaha kerajaan untuk mewujudkan

suasana iklim perundangan yang kredibel, berkesan, efisien, kondusif serta dinamik,” jelas beliau.

Kata beliau, Syariah dan Common Law merupakan dua sistem undang-undang yang telah berkembang secara harmoni di negara ini, di mana kedua-dua sistem undang-undang ini adalah unik, sama ada dari aspek sumber perundangan, hirarki autoriti, teori dan amalan termasuk metodologi dan penaakulan atau ‘reasoning’.

“Maka di samping meraikan keberbedaan dan keunikan kedua-dua sistem undang-undang tersebut, sebarang kekurangan dan kelemahan sepatutnya tidak dijadikan sebagai alasan dan permasalahan bagi memberikan keadilan dalam sistem perundangan negara,” tegas beliau.

Kata Timbalan Perdana Menteri lagi, melihat kepada pengaruh Syariah dan Common Law dalam sistem perundangan negara termasuk usaha ke arah penambahbaikan, amat penting untuk memahami realiti negara ini.

“Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, budaya dan agama dengan sistem perundangan yang mengiktiraf kepelbagaian sumber perundangan termasuk undang-undang adat, Syariah dan Common Law,” ujar beliau.

Sehubungan itu, kata beliau lagi, undang-undang Common Law telah mempengaruhi pemakaian undang-undang prosedur atau tatacara, juga pada undang-undang ‘keterangan’ dalam sistem undang-undang yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah.

“Dalam masa sama terdapat juga beberapa aspek undang-undang Syariah yang dirujuk dan relevan telah diguna pakai di Mahkamah Sivil.

“Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuhkan lagi sistem dan infrastruktur perundangan negara dalam sistem kewangan Islam misalnya, Malaysia lebih awal telah menubuhkan ‘the Law Harmonisation Committee’ atau ‘Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang’ pada 2010 yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad.

“Jawatankuasa itu yang dianggotai oleh tokoh terkemuka perundangan negara telah melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah pengharmonian undang-undang Syariah dan Common Law yang berkaitan dengan sistem kewangan,” jelas beliau.

Seminar itu merupakan anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM dan Institut Wasatiyyah Malaysia yang dihadiri pakar perundangan Syariah dan Common Law, ahli akademik serta delegasi dalam dan luar negara.

Tema khas yang bertajuk ‘Meneroka Pendekatan Wasatiyyah dalam Proses Harmonisasi Undang-undang Syariah dan Common Law’, turut disifatkan Timbalan Perdana Menteri sebagai sangat selari dengan polisi dan dasar kerajaan, di mana pendekatan kesederhanaan secara berhikmah sentiasa menjadi asas utama pentadbiran negara.